

ONN JA'AFAR

Pejuang Terbilang

Pengasas Sebuah Negara Bangsa

Pengarang

Fadzil Abdullah
Kassim Thukiman
Md. Zin Idros

Penyunting

Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas



BADAN PERHUBUNGAN
UMNO NEGERI JOHOR



YWJ CITRA
HOLDINGS SDN. BHD.
Anak Syarikat MIBB, Yayasan Warisan Johor



YAYASAN WARISAN JOHOR



MPH
PUBLISHING

Fadzil Abdul

Dilahirkan pada 14 Julai 1956, anak kelahiran Tanjung Batu, Tangkak, Johor ini selain pernah berkhidmat dengan kerajaan, badan berkanun dan swasta, telah menceburi dunia kewartawanan selama 32 tahun. Bermula sebagai kolumnis pelancongan di Utusan Melayu, beliau pernah menjadi pengarang buku dan majalah di beberapa syarikat penerbitan sebelum menjadi pengarang di akhbar Berita Harian dan Harian Metro. Jawatan terakhirnya di bawah kumpulan NSTP ialah sebagai Ketua Penyunting Berita Minggu. Kini beliau bergiat sepenuh masa dalam penulisan, pelancongan dan pengembaraan.

Kassim Thukiman

Anak kelahiran Masai, Johor, pada 1hb Mac 1963. Beliau kini bertugas di Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia, UTM Skudai. Beliau banyak melibatkan diri dalam kegiatan penyelidikan dan penulisan tentang sejarah negeri Johor, menerusi Yayasan Warisan Johor. Antara tajuk penulisan beliau ialah *Perjuangan Dato' Onn, Sejarah Ekonomi Johor, Sejarah Tambak Johor, Sistem Kangchu, Kajian Biografi Tokoh-Tokoh Johor dan Sejarah Tempatan Johor*. Beliau juga adalah Ketua Penyunting, *Jurnal Kemanusiaan UTM*.

Md. Zin Idros

Lahir di Batu Pahat pada 15hb April 1945. Seorang guru sejarah sekolah menengah. Beliau juga bekas Ketua Nazir Sekolah-Sekolah di Terengganu dan Johor. Beliau pernah bertugas sebagai pegawai pelajaran Negara Brunei Darussalam dan pensyarah di Universiti Brunei Darussalam. Beliau kini berkhidmat di Yayasan Warisan Johor dan bertanggungjawab dalam Bahagian Unit Kepimpinan dan Latihan (Unit Kepimpinan dan Latihan) (Yayasan Warisan Johor).

PUSTAKA PERDANA



1006961



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



ONN JA'AFAR

Pejuang Terbilang


Pengasas Sebuah Negara Bangsa

Pengarang

Fadzil Abdullah, Kassim Thukiman dan Md. Zin Idros

Penyunting

Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas



Diterbitkan oleh

MPH Group Publishing Sdn Bhd

1st Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
emel: mphpublishing@mph.com.my

dengan kerjasama

YWJ Citra Holdings Sdn Bhd

Yayasan Warisan Johor dan

Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor

Diedarkan oleh

MPH Distributors Sdn Bhd

Ground Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
emel: distributors@mph.com.my

Hakcipta © 2007 YWJ Citra Holdings Sdn Bhd

Hakcipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada pemegang hakcipta.

Penghargaan: Gambar-gambar yang menghiasi buku ini disumbangkan oleh Y.Bhg. Lt. Jen. (B) Dato' Ja'afar Onn dan Y.Bhg. Dato' Mohamed Abid daripada himpunan gambar-gambar peribadi. Gambar-gambar tersebut telah dibaikpulih dan dipertajamkan untuk kegunaan buku ini oleh Canvas Art Sdn Bhd.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication Data

Fadzil Abdullah

Onn Ja'afar: pejuang terbilang: pengasas sebuah negara bangsa / Fadzil Abdullah, Kassim Thukiman, Md. Zin Idros; penyunting Syed Ali Tawfik al-Attas.

Bibliografi: ms. 132

ISBN 978-983-3698-29-5

1. Onn Ja'afar, Dato', 1895-1962. 2. Politicians—Malaysia—Biography.
3. Nationalists—Malaysia—Biography. 4. Malaysia—Politics and government.
I. Kassim Thukiman. II. Md. Zin Idros. III. Al-Attas, Syed Ali Tawfik. IV. Judul.
923.2595

Dicetak oleh

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd

27-29-31 Jalan 2/148A
Taman Sungei Besi Industrial Park
57100 Kuala Lumpur, Malaysia

Pengerusi

Hj. Ismail Hj. Adnan

Penasihat

Hj. Md. Ismail Zam Zam

Prof. Emiritus Datuk Abu Bakar A. Hamid

Penyunting

Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas

Pembantu Penyunting

Datin Shajaratuddur Sh Abdul Halim

Pengarah Penerbitan

Dato' Ng Tieh Chuan

KATA PENGANTAR	4 – 5
PERUTUSAN PERDANA MENTERI	6 - 7
PERUTUSAN MENTERI BESAR JOHOR	8 - 9
IKRAR SUMPAH MELAYU	11
MUKADDIMAH	13
LAHIRNYA WIRA BANGSA	
Permata Di Jendela Istana	16 -19
PERGAULAN & PENDIDIKAN	
Kerabat Diraja Bagaikan Saudara	22 -29
DARAH MUDA PERJUANGAN	
Bukan Sijil Jadi Pertaruhan	32 -33
ALAM RUMAH TANGGA	
Ilmu Dan Agama Dijunjung, Adat Dikendong	36 -37
KENYATAAN PERJUANGAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM	
Minta Turun Pangkat Demi Kebebasan	40 -43
MEMPERTAHANKAN PENDIRIAN	
Keberanian Tanpa Had Dan Sempadan	46 -53
PEMIKIR BANGSA	
Pemikir Bangsa Mendahului Zaman	56 -65
SELAMAT JOHOR	
Selamat Johor Tanda Bermula Nafas Baru	68 -73
ZAMAN PENJAJAHAN JEPUN	
Zaman Sukar (1941 – 1946)	76 -81
MENGHARUNGI CABARAN	
Membasuh Luka Dan Darah Di Batu Pahat	84 -87

MENGGERAKKAN PERJUANGAN	
Melayu Hanya Selamat Apabila Kuat Dan Bersatu	90 -93
UMNO WADAH PERJUANGAN	
Wadah Perjuangan UMNO Kelahiran UMNO	96 -99
KETUANAN MELAYU	
Tanah Melayu Hak Melayu	102 -105
MENGASASKAN PERPADUAN KEBANGSAAN	
Menentukan Hak Anak Bangsa Dan Mengasas Perpaduan Kebangsaan	108 -111
KEMUNCAK PERJUANGAN	
Menteri Dalam Negeri dan Pengerusi RIDA	114 -117
JATUH BANGUN PERJUANGAN	
Erti dan Nilai Perjuangan	120 -123
MENINGGALKAN JASA	
Taburan Jasa Kenangan	126 -127
APA KATA MEREKA	130 -131
RUJUKAN	132
PETUNJUK	133 - 136

Kemajuan dan pembangunan pesat yang ditempa dalam negara kita pada masa kini tentulah mempunyai kaitan yang rapat dengan unsur sejarah. Unsur sejarah pula dikaitkan dengan kepimpinan siasah negara. Sesungguhnya sejarah masa lalu mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan masa kini. Di sinilah munculnya ketokohan Dato' Onn Ja'afar dalam mendepani dan menangani kemajuan dan pembangunan agama, bangsa dan tanah air. Sebenarnya Dato' Onn Ja'afar boleh membuat pilihan untuk hidup senang dan mewah tanpa memikirkan tentang kelangsungan bangsa dan negaranya kerana bapa beliau adalah Menteri Besar Johor yang pertama dan begitu rapat dengan pihak istana. Dalam penulisan sejarah, selalunya nama Dato' Onn Ja'afar begitu berkait rapat dengan gerakan menentang Malayan Union. Namun begitu, detik itu hanyalah merupakan permulaan kepada suatu gagasan yang lebih besar yang menghasilkan kesan yang amat ketara kepada perkembangan siasah di Malaysia. Natiujahnya, nikmat dan kemanisan kemerdekaan telah diwarisi dan dikecapi oleh anak bangsa masa kini.

Dato' Onn Ja'afar adalah seorang tokoh yang serba boleh. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai penentang Malayan Union, tetapi juga pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), penyatu bangsa Melayu, pengasas perpaduan kebangsaan, pemikir kemajuan bangsa, pencetus pendidikan, penggerak bahasa Melayu, penggerak pembangunan luar bandar, pengasas pembentukan perlembagaan negara, pejuang ketuanan Melayu dan pengasas kemerdekaan negara bangsa. Namun begitu, perjuangan Dato' Onn Ja'afar untuk memartabatkan kesemua perkara tersebut bukan diperolehi dengan cara yang mudah. Sepertimana ahli siasah lain, Dato' Onn Ja'afar juga menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran serta turut jatuh dan bangun dalam perjuangan siasah.

Sehubungan itu, sempena ulang tahun kelahiran UMNO yang ke-60, adalah wajar dan amat bersesuaian ketokohan Dato' Onn Ja'afar dimartabatkan. Sementelahan pula, sambutan ulang tahun UMNO telah dijalankan di negeri bersejarah, negeri Johor Darul Takzim. Dalam suasana siasah Tanah Melayu yang dalam keadaan terumbang ambing semasa Perang Dunia Kedua, Dato' Onn Ja'afar telah memainkan peranan menggerakkan keamanan negeri dan negara. Dari sebuah gerakan kecil yang dicetuskan di Batu Pahat, Dato' Onn Ja'afar telah mengasaskan penubuhan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ). Dari sinilah PMSJ menjadi suatu gerakan massa menubuhkan UMNO dengan tujuan menentang habis-habisan cadangan kerajaan British untuk melaksanakan kerajaan Malayan Union di Tanah Melayu.

Suatu yang cukup menarik perhatian, gerakan siasah ini mendapat dokongan dan sokongan oleh akhbar massa yang menyeru kepada persatuan dan kesatuan seluruh bangsa Melayu untuk menangani dan mendepani gerakan 'kolonialisasi' di Tanah Melayu. Gerakan dan gagasan ini telah